17

NO SOALAN :14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN (PENGKALAN CHEPA)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**17.03.2015**

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai oleh Kerajaan Persekutuan di Kelantan mengikut jabatan-jabatan dari tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kutipan cukai di Kelantan melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai

langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung.

2. Jumlah kutipan cukai langsung oleh LHDNM di Kelantan adalah seperti berikut:

Tahun	**Jumlah (RM juta)**
2010	273.1
2011	313.9
2012	384.2
2013	402.4
2014	416.1

3. Manakala, jumlah kutipan cukai tidak langsung oleh JKDM di Kelantan adalah seperti berikut:

Tahun	**Jumlah (RM juta)**
2010	35.3
2011	45.8
2012	151.9
2013	179.4
2014	220.4